

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]
TARIKH : 25 OKTOBER 2017
SOALAN : 11

YB Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam menaik taraf fasiliti-fasiliti kesihatan sedia ada yang umumnya kita ketahui sebahagian besar klinik-klinik kesihatan, klinik-klinik desa ini telah dibina pada tahun 70an lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga Disember 2016 Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai 145 hospital dan institusi perubatan, 1060 Klinik Kesihatan (termasuk klinik ibu dan anak) dan 1803 Klinik Desa yang berlainan usia. Usaha-usaha menaiktaraf dan menggantikan fasiliti kesihatan tersebut dijalankan oleh Kementerian Kesihatan secara berterusan mengikut keperluan pada setiap Rancangan Malaysia selaras dengan status masing-masing yang mengambil kira faktor beban kerja, status fizikal dan peningkatan perkhidmatan. Diantara usaha-usaha menaik taraf yang dijalankan adalah seperti penggantian baharu klinik

sedia ada, pembinaan blok tambahan baharu, baik pulih dan ubah suai bangunan sedia ada, menaiktaraf sesuai dengan tahap perkhidmatan yang disediakan, sebagai contoh menaiktaraf dari Klinik Desa kepada Klinik Kesihatan. Selain itu Kementerian juga membina fasiliti kesihatan tambahan yang baharu bagi memperluaskan liputan dan meningkatkan akses penduduk terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Memandangkan keperluan ini melibatkan kos yang amat besar maka kerja-kerja atau projek bagi menaiktaraf kemudahan-kemudahan tersebut perlu dijalankan secara berperingkat selaras dengan peruntukan pembangunan yang disediakan kepada Kementerian ini.